



## AI Generatif: Masa hadapan baharu perniagaan, gabungan dunia fizikal, digital

Kenyataan Media

Jun 13, 2023 11:24 MYT

PENYELIDIKAN baharu daripada Accenture (NYSE: ACN) mendapati bahawa AI generatif dan beberapa teknologi lain yang berkembang pesat, sedang membawa masa hadapan baharu yang berani kepada perniagaan apabila dunia realiti dan maya menjadi saling berhubungkait.

Accenture Technology Vision 2023, "When Atoms Meet Bits: The Foundations of Our New Reality" meneroka trend teknologi yang menyokong penggabungan alam fizikal dan digital, ketika perniagaan berusaha untuk mempercepatkan penciptaan semula perusahaan pada zaman ini.

Dengan 99 peratus daripada eksekutif di Malaysia bersetuju bahawa pelaburan dalam teknologi yang pesat membangun akan membantu organisasi mereka agar kekal berdaya tahan di peringkat global, edisi laporan tahun ini menawarkan wawasan perniagaan berkaitan langkah-langkah yang diperlukan oleh perusahaan untuk berkembang pada hari ini, dimana pengalaman fizikal dan digital semakin rancak terjalin.

Peningkatan mendadak ChatGPT telah menarik perhatian dunia tentang kuasa AI generatif dalam meningkatkan kebolehpayaan manusia.

Malah, 98 peratus daripada eksekutif di Malaysia bersetuju bahawa kemajuan dalam AI generatif membawa era baharu kepintaran perusahaan, dan menjangkakan bahawa model-model asas AI tersebut akan memainkan peranan yang penting dalam strategi organisasi mereka dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

### **Accenture's Technology Vision 2023 mengenal pasti empat trend yang penting dalam meneroka realiti perkongsian baharu ini:**

**AI Generatif:** Memajukan keupayaan manusia sebagai pemacu bersama, rakan kongsi kreatif atau penasihat, hampir semua eksekutif Malaysia bersetuju bahawa AI generatif akan mencetuskan kreativiti dan inovasi yang ketara (99 peratus), dan model-model asas AI akan membolehkan sambungan merentasi jenis data, merevolusikan dimana dan bagaimana AI digunakan (95 peratus).

**Identiti digital:** Keupayaan untuk mengesahkan pengguna dan aset digital - asas untuk menjelajah dunia fizikal dan digital - kini dilihat sebagai strategi perniagaan yang amat penting dan bukan sebatas isu teknikal oleh 95 peratus eksekutif di Malaysia.

**Data saya, data anda, data kita:** AI tidak dapat mencapai potensi sepenuhnya sehingga syarikat mengetahui urusan data. Ini bermakna memecahkan silo data dan memodenkan asas data mereka. Malah, 95 peratus daripada eksekutif Malaysia percaya data kini menjadi pembeza daya saing utama dalam sesebuah organisasi dan di antara industri.

**Sempadan tetap kita:** Lingkaran maklum balas antara sains dan teknologi kini lebih pantas dengan masing-masing saling mempercepatkan kemajuan satu sama lain, dengan cara dimana 100 peratus responden di Malaysia percaya ia dapat merungkai cabaran besar dunia.

"Inovasi teknologi membentangkan sempadan yang mengujakan untuk Malaysia, terima kasih kepada usaha berterusan kerajaan dalam membina masyarakat celik digital bagi memacu pertumbuhan dan transformasi ekonomi.

"Pengenalan kepada Malaysia Digital tahun lalu mencerminkan komitmen negara untuk memanfaatkan potensi teknologi.

"Kita sedang menyaksikan penggabungan alam fizikal dan digital yang lancar mencipta sebuah perkongsian realiti.

"Dengan 95 peratus daripada eksekutif Malaysia dan 98 peratus daripada eksekutif perkhidmatan awam global bersetuju bahawa penggabungan ini akan mengubah industri mereka dalam dekad yang akan datang, kedua-dua sektor awam dan perniagaan di Malaysia perlulah menyesuaikan diri dan berubah sewajarnya.

"Laporan Technology Vision tahun ini meneroka trend seperti pengaburan sempadan antara alam fizikal dan digital, penyelesaian isu-isu kompleks, dan kesan revolusioner kemajuan saintifik dan teknologi yang memandu penggabungan ini. Ia menyediakan panduan penting untuk berkembang dalam landskap baharu ini," jelas Azwan Baharuddin, Pengarah Urusan Negara, Malaysia di Accenture.

Selama 23 tahun, Accenture telah meneliti secara sistematik merentasi landskap perusahaan dalam mengenal pasti trend teknologi yang berkemungkinan besar mengganggu perniagaan dan industri.

Untuk maklumat lanjut tentang laporan tahun ini, layari [www.accenture.com/technologyvision](http://www.accenture.com/technologyvision) atau ikuti perbualan tentangnya di Twitter dengan #TechVision.

### **Tentang Penyelidikan**

Untuk laporan Technology Vision 2023, "When Atoms Meet Bits: The Foundations of Our New Reality", Accenture telah mengumpulkan input daripada lembaga penasihat luaran yang terdiri daripada lebih dua dozen pengamal merentasi sektor awam dan swasta, akademi, modal kapital dan syarikat keusahawanan. Sejajar dengan itu, Accenture Research telah menjalankan tinjauan global terhadap 4,777 eksekutif tahap C dan pengarah di 34 negara dan 25 industri, termasuk 80 eksekutif di Malaysia. Tinjauan tersebut telah dikendalikan antara Disember 2022 dan Januari 2023.